

# Mayor harap UMS sokong kempen anti-kutu sampah

Oleh SURAIDAH ROSLAN

hadieydh18@yahoo.com

UB 16.10.2012 A3

KOTA KINABALU: Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, Datuk Abidin Madingkir mencadangkan agar Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan turut menyokong kempen anti-kutu sampah dan kempen pengurangan penggunaan beg plastik di institusi mereka.

Beliau berkata, setakat ini hanya Universiti Teknologi Mara (UiTM) sahaja yang baru menyertai kempen berkenaan dan adalah diharapkan agar UMS juga dapat melaksanakan kempen itu kelak.

Jelasnya, pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) kini masih giat memperluaskan kempen pengurangan penggunaan beg plastik di sekitar bandaraya termasuklah di institusi pengajian tinggi.

Beliau berkata demikian ketika berucap semasa Majlis Perarakan Berjubah Graduan di bandaraya, yang diadakan di pekarangan bangunan DBKK, di sini kelmarin.

Menyentuh kewujudan UMS selama 14 tahun, Abidin berkata kewujudan universiti itu telah menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan modal insan, di samping mempertingkatkan bidang ilmu bagi kemajuan bandaraya dan negara pada masa hadapan.

Jelasnya, pemilihan tema 'Universiti dan Komuniti: Keharmonian Demi Masa Depan' adalah bertepatan dengan aspirasi negara dalam melahirkan satu masyarakat yang berdaya maju.

A b i d i n b e r k a t a , pengiktirafan yang dicapai UMS melalui kejayaan dan inovasi yang telah dilaksanakan telah mendapat perhatian antarabangsa. Ia secara tidak langsung telah menaikkan imej Bandaraya Kota Kinabalu sebagai pusat gedung ilmu bertaraf antarabangsa.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Prof Datuk

Dr Mohd Harun Abdullah berkata UMS dan DBKK akan meneruskan usaham dalam melahirkan masyarakat berdaya maju sesuai dengan tema perarakan graduan UMS pada tahun ini.

Katanya, kerjasama erat antara kedua-dua institusi itu akan merealisasikan usaha dalam melahirkan modal insan yang berkualiti ke arah memangkin pembangunan negara pada masa hadapan.

"Dalam konteks ini, UMS dan DBKK perlu meneruskan semangat dan muafakat agar prasarana serta ruang lingkup yang diperlukan dapat disediakan sesuai dengan

dengan tuntutan institusi pengajian tinggi, baik untuk masa kini maupun untuk masa akan datang," katanya.

Beliau berkata, pemilihan tematahuniniamatbertepatan sekali dan selari dengan peranan penting kedua-dua institusi ini sebagai tonggak wawasan ke arah kemajuan semua lapisan masyarakat berbilang bangsa.

Harun berkata, sejak majlis perarakan itu dilaksanakan pada tahun 2007, ia telah menjadi majlis tahunan UMS dan ia menyumbang kepada memartabatkan perpaduan, pendidikan serta semangat kesepakatan antara UMS dan

DBKK.

Mengenai Konvokesyen UMS kali ke-14 padatahunini, beliau berkata seramai lebih 4,000 pelajar telah berjaya menamatkan pengajian mereka sama ada di peringkat diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana maupun ijazah doktor falsafah.


Kesemua mereka adalah dari 64 program akademik yang ditawarkan melalui 13 buah sekolah dan pusat pengajian pasca siswazah.

Jelasnya, majlis itu bukan diadakan bukan semata-mata untuk berarak, ia adalah untuk membawa mesej yang mendalam ke arah kesepakatan universiti dan komuniti, demi kesejahteraan masa hadapan.

Dalam perarakan itu, lebih 300 pegawai universiti, ahli akademik dan pegawai DBKK termasuk 67 orang graduan berarak di sekitar bandaraya.

Perarakan itu diketuai oleh Pengarah Alumni Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS merangkap Pengerusi Bersama Perarakan Berjubah Graduan di Bandaraya, Prof Madya Dr Mahmud Sudin.

Selepas perarakan berakhir di pekarangan DBKK, Abidin menyempurnakan penyerahan Kunci Bandaraya kepada graduan dan wakil program yang akan bergradusi bermula 20 hingga 22 Oktober ini.



MAHMUD mengetuai perarakan Majlis Perarakan Berjubah Graduan di Bandaraya, turut kelihatan Harun serta pegawai-pegawai kanan universiti yang lain.